

11 DEC 1997

TINJAUAN KPMG DAPATI MALAYSIA PALING STABIL DI RANTAU INI

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Malaysia muncul sebagai negara paling stabil di rantau ini meskipun menghadapi kelembapan ekonomi, kata KPMG Asia Pacific Financial Sector Consulting, sebuah syarikat pakar dalam khidmat nasihat pengurusan risiko, yang baru-baru ini meninjau pendapat tentang pendedahan risiko dan pengurusan risiko di kalangan bank-bank, broker saham dan badan kawal selia di enam negara di rantau ini.

Pengarah urusannya, Jim Gollan, berkata memang tidak syak lagi bahawa suasana sihat politik Malaysia merupakan faktor utama yang dilihat oleh pelabur asing apabila mereka membuat keputusan untuk kembali melabur secara besar-besaran.

Beliau memberitahu satu persidangan berita di sini bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, telah mencetuskan keyakinan pelabur, tidak seperti di Korea Selatan, Thailand malah Indonesia.

"Pengurusan kewangan Malaysia juga jauh lebih kukuh," katanya, sambil menambah bahawa darjah pendedahan negara ini kepada risiko projek-projek dan perusahaan adalah jauh lebih rendah daripada negara-negara lain.

Gollan berkata bank-bank Malaysia seharusnya menyedari kekuatan diri masing-masing dan "dalam masa yang singkat, mereka akan menjadi lebih teguh."

Sambil memberi penjelasan tentang kajian yang dijalankan di Hong Kong, Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand dan Taiwan ini, katanya sebilangan besar institusi kewangan di Asia perlu memperkukuhkan pengurusan risiko masing-masing jika ingin terus hidup.

Mereka perlu berbuat demikian untuk terus maju sebagai organisasi bebas, dalam suasana yang lebih mencabar daripada suasana yang menjadi kebiasaan bagi mereka sebelumnya.

"Sesungguhnya, peningkatan standard pengurusan risiko adalah penting bagi mempercepatkan kejayaan reformasi struktur sektor kewangan yang ingin dilaksanakan oleh sebilangan besar pemerintah di Asia.

"Dekad akan datang seharusnya dapat menghapuskan sebarang prasangka bahawa perbankan merupakan profesion yang sama ada membosankan ataupun selamat," kata Gollan lagi. -- BERNAMA

DVS KY MA